

Fiqh al-Maalat Sebagai Metod Ijtihad dalam Ibadah Haji: Suatu Sorotan Kajian***[Fiqh al-Maalat as a Methodology of Ijtihad in Hajj: A Study Review]*****Mohd Shauqi Saiful Suhardi** (*Corresponding author*)*Department of Shariah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600 Perlis, Malaysia, mohdshauqi@kuips.edu.my***Basri Ibrahim***Department of Shariah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600 Perlis, Malaysia, bashim67@kuips.edu.my***Fathullah Asni***Islamic Studies Division, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia, Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia, fathullah@usm.my**Article
Progress:**Submission date:
01 Dec 2024**Accepted date:
20 Dec 2024***ABSTRACT**

This article examines the role of Fiqh al-Maalat as a methodology of ijtihad in the context of Hajj rituals. This principle emphasizes the analysis of legal implications by considering effects through the framework of maslahah (benefit) and mafsadah (harm), in alignment with the objectives of Islamic law (maqasid shariah). The study investigates specific issues in Hajj, such as the permissibility of killing harmful animals in the state of ihram and the allowance for vulnerable groups to leave Muzdalifah at night to assess how the principles of Fiqh al-Maalat are applied. Using a qualitative approach and document analysis, the findings demonstrate that Fiqh al-Maalat provides flexible, relevant, and practical solutions in Hajj implementation without compromising fundamental Islamic principles. In conclusion, Fiqh al-Maalat plays a pivotal role in ensuring the continued relevance and responsiveness of Islamic rulings to contemporary challenges.

Keywords: *Fiqh al-Maalat; Ijtihad; Hajj Rituals; Maqasid Shariah; Maslahah; Mafsadah*

PENDAHULUAN

Fiqh al-Maalat merupakan salah satu cabang dalam ilmu syariah yang menitikberatkan analisis terhadap implikasi hukum, dengan mempertimbangkan keseimbangan antara *maslahah* (manfaat) dan *mafsadah* (kemudharatan) dalam setiap keputusan atau tindakan. Dalam konteks ibadah haji, pendekatan ini memainkan peranan penting untuk memastikan pelaksanaan ibadah yang bukan sahaja mematuhi tuntutan syarak, tetapi juga mengambil kira keperluan dan kemaslahatan umat Islam secara keseluruhan (Al-Shatibi, 2004; Ishak, 2022).

Sebagai salah satu rukun Islam, ibadah haji menuntut pelaksanaan yang mengharmonikan antara keperluan syariah dan realiti semasa (al-Qaradawi, 2010). Kehadiran

jutaan jemaah setiap tahun memerlukan pendekatan yang fleksibel tanpa menjejaskan nilai-nilai syariah (Al-Sa'di, 1989).

Kajian ini bertujuan untuk meneroka prinsip *Fiqh al-Maalat* dalam pelaksanaan ibadah haji. Selain itu, kajian ini juga menilai bagaimana prinsip tersebut diaplikasikan secara efektif untuk menyeimbangkan antara *maslahah* (manfaat) dan *mafsadah* (kemudaratan), sekali gus memastikan hukum-hukum syarak kekal relevan, responsif terhadap realiti semasa, dan selari dengan *maqasid al-shariah* (Al-Yubi, 2011; Al-Raisuni, 1999).

SOROTAN LITERATUR

Prinsip *Fiqh al-Maalat* telah dibincangkan oleh pelbagai sarjana dalam kajian terdahulu. Al-Shatibi (2004) dalam karyanya al-Muwafaqat memperkenalkan konsep ini dengan menekankan kepentingan menilai kesan hukum melalui kaedah seperti *sad al-dhara'i*, *istihsan*, dan *mura'ah al-khilaf*. Al-Sudais (2000) pula menerapkannya pada isu moden seperti demokrasi dan sekularisme, sementara al-Sanusi (2003) mengembangkan ciri-ciri prinsip ini seperti realistik dan berorientasikan masyarakat.

Kajian oleh al-Hussin (2019) menyatakan bahawa mazhab Maliki menjadi pelopor kepada *Fiqh al-Maalat* melalui pendekatan mereka terhadap maslahat. Ansary (2009) menghubungkannya dengan sains sosial untuk menilai akibat hukum, manakala Bello (2009) meneliti aplikasinya dalam kontrak kewangan seperti *mudarabah*. Kajian Ishak (2018) pula menekankan peranan prinsip ini untuk memastikan pelaksanaan hukum selari dengan *maqasid al-shariah* tanpa mengubah dasar hukum.

Dari segi aplikasi praktikal, al-Jiddiyah (2010) membandingkan *maslahah* dan *mafsadah* dalam isu perubatan dan politik, sementara Basri dan Ismail (2019) menghubungkannya dengan isu kontemporari seperti e-dagang dan pengklonan. Nasir (2019) meneliti impaknya dalam fatwa untuk minoriti Muslim. Asni dan Sulong (2021) pula mengkaji penggunaannya dalam fatwa berkaitan hibah bersyarat di Malaysia.

Walaupun banyak perbincangan mengenai *Fiqh al-Maalat*, namun terdapat kekurangan analisis langsung terhadap isu haji menggunakan prinsip ini. Kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan menilai peranan *Fiqh al-Maalat* dalam menentukan *maslahah* dan mengelakkan *mafsadah* dalam pelaksanaan ibadah haji.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis dokumen sebagai kaedah utama. Data diperoleh daripada kitab-kitab *fiqh* klasik, karya-karya ulama kontemporari dan artikel akademik yang relevan. Pendekatan induktif digunakan untuk memahami konsep dan asas *Fiqh al-Maalat*, manakala pendekatan deduktif diterapkan untuk menganalisis aplikasinya dalam ibadah haji.

Sebagai tambahan, analisis terhadap dalil-dalil syarak yang relevan, seperti al-Quran, Sunnah serta pandangan ulama muktabar, turut dilakukan bagi memastikan kesahihan dapatan kajian. Penilaian terhadap isu-isu kontemporari dalam ibadah haji seperti kelonggaran bertolak dari Muzdalifah pada waktu malam dan keharusan membunuh binatang berbahaya semasa ihram, juga dilakukan dengan merujuk kepada prinsip *maqasid al-shariah*.

Kaedah analisis ini bertujuan memastikan kajian ini tidak hanya bersifat teori tetapi juga relevan dengan konteks pelaksanaan ibadah haji yang sebenar.

DAPATAN DAN PERBAHASAN KAJIAN

Fiqh al-Maalat sebagai Metod Ijtihad

Fiqh al-Maalat secara literal bermaksud "pertimbangan terhadap implikasi" dan merujuk kepada kewajipan menilai akibat jangka panjang daripada sesuatu perbuatan atau keputusan hukum yang dibuat dalam syariah. Prinsip ini tidak hanya bertumpu pada kepatuhan terhadap *nas*, tetapi juga mengambil kira kesan praktikalnya bagi memastikan manfaat (*maslahah*) dicapai dan kemudaran (*mafsadah*) dielakkan (Al-Shatibi, 2004).

Menurut Al-Shatibi dalam *Al-Muwafaqat*, setiap keputusan syariah harus dinilai berdasarkan kesannya terhadap individu dan masyarakat. Keputusan yang kelihatan tepat dari sudut dalil mungkin tidak sesuai jika implikasinya membawa kemudaran yang lebih besar. Dalam hal ini, *Fiqh al-Maalat* menjadi panduan bagi *mujtahid* untuk menyesuaikan pelaksanaan hukum dengan konteks semasa tanpa melanggar prinsip asas syariah.

Ijtihad merujuk kepada usaha sarjana Islam untuk mengeluarkan hukum berdasarkan dalil-dalil syariah (Al-Quran, Al-Sunnah, ijmak dan qias) dengan mempertimbangkan situasi semasa. Proses ini melibatkan analisis mendalam terhadap dalil-dalil serta konteks keadaan umat Islam. Proses ijtihad dalam *Fiqh al-Maalat* melibatkan dua langkah utama: pertama, memahami dan menafsirkan *nas* berdasarkan ilmu *Usul al-Fiqh*, dan kedua, menilai kesan jangka panjang keputusan tersebut terhadap umat Islam. Dengan pendekatan ini, hukum yang dikeluarkan tidak

hanya mematuhi syarak, tetapi juga relevan dengan keperluan semasa dan keadaan masyarakat yang dinamik. (Al-Qaradawi, 2005).

***Fiqh al-Maalat* dalam Al-Quran dan Al-Sunnah serta Praktikal Sahabat**

Fiqh al-Maalat mempunyai asas yang kukuh dalam al-Quran, di mana Allah SWT sering menekankan kepentingan mempertimbangkan implikasi tindakan untuk mengelakkan mudarat. Contoh utama adalah dalam Surah Al-An'am ayat 108, yang melarang umat Islam daripada menghina sembahkan kaum musyrik. Firman Allah SWT:

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu mencela sembahkan-sembahkan yang mereka sembah selain daripada Allah SWT, kelak mereka akan mencela Allah SWT kerana permusuhan dalam keadaan tidak tahu”. (Surah Al-An'am 6:108).

Ayat ini menunjukkan bahawa walaupun menghina sembahkan lain adalah dibenarkan dari segi logik, namun implikasi tindakan tersebut akan membawa kepada mudarat yang lebih besar, iaitu penghinaan terhadap Allah SWT. Inilah contoh jelas prinsip *Fiqh al-Maalat*, di mana setiap tindakan perlu dipertimbangkan dengan berhati-hati berdasarkan kesannya terhadap umat Islam (Ibn Kathir, 2008).

Contoh lain adalah dalam Surah Al-Baqarah ayat 104, di mana Allah SWT melarang penggunaan perkataan *ra'ina* kerana ia disalahgunakan oleh kaum Yahudi untuk mengejek Nabi Muhammad SAW. Sebaliknya, Allah SWT menyuruh umat Islam menggunakan perkataan *unzurna* yang membawa makna yang sama tetapi tanpa implikasi negatif (Ibn Kathir, 2008).

Hadis-hadis Nabi Muhammad SAW juga memberikan sokongan kuat terhadap *Fiqh al-Maalat*. Salah satu contoh yang jelas ialah ketika Nabi Muhammad SAW memilih untuk tidak menghukum Abdullah bin Ubai, ketua golongan munafik, yang menyebabkan ketegangan di kalangan kaum Muhajirin dan Ansar. Nabi SAW bersabda dalam riwayat al-Bukhari (2011):

دَعُوهُ، لَا يَتَحَدَّثُ النَّاسُ أَنَّ مُحَمَّدًا يَقْتُلُ أَصْحَابَهُ

Maksudnya:

"Tinggalkan dia. Jangan sehingga nanti orang berbicara bahawa Muhammad membunuh sahabatnya" (Riwayat al-Bukhari)

Keputusan Nabi SAW ini menunjukkan betapa pentingnya mempertimbangkan implikasi sosial dan kesan jangka panjang bagi setiap tindakan, selari dengan prinsip *Fiqh al-Maalat*. Walaupun menghukum Abdullah bin Ubai mungkin dianggap wajar dari sudut keadilan, namun implikasinya terhadap perpaduan umat Islam pada waktu itu lebih berbahaya (Al-Nawawi, 1997).

Sahabat Nabi SAW juga terbukti menggunakan pendekatan *Fiqh al-Maalat* dalam tindakan mereka. Contoh terkenal ialah pengumpulan Al-Quran pada zaman Khalifah Abu Bakar selepas ramai penghafal Al-Quran syahid dalam peperangan al-Yamamah. Walaupun pada zaman Nabi SAW, Al-Quran tidak dikumpulkan dalam bentuk mushaf, tindakan ini dianggap perlu untuk mengelakkan kehilangan Al-Quran akibat gugurnya para penghafal. Ini adalah salah satu contoh bagaimana *Fiqh al-Maalat* diaplikasikan dalam memastikan masalah yang lebih besar, iaitu pemeliharaan Al-Quran untuk generasi akan datang (Al-Qaradawi, 2005).

Parameter *Fiqh Al-Maalat*

Para ulama menegaskan bahawa penggunaan kaedah *Fiqh al-Maalat* perlu mematuhi parameter tertentu agar tidak disalahgunakan hingga mengubah hukum syarak atas nama *maslahah* (Al-Raisuni, 1999). Parameter ini bertujuan memastikan penerapan kaedah tersebut sejajar dengan kehendak syariah.

Mengenal Pasti Status Hukum

Langkah pertama ialah menentukan status hukum sesuatu permasalahan, sama ada ia sebahagian daripada ijmak atau masih terdapat perselisihan di kalangan ulama (Kamali, 2016). Hukum yang berdasarkan ijmak tidak boleh dipersoalkan kecuali jika pelaksanaannya membawa *mafsadah* disebabkan situasi tertentu. Sebagai contoh, Khalifah Umar RA menangguhkan hukuman potong tangan ketika zaman kebuluran kerana pelaksanaannya tidak mencapai *maslahah* yang diinginkan (Al-Jiddiyah, 2010).

Bagi hukum yang diperselisihkan, ia membuka ruang ijtihad untuk analisis lanjut. Misalnya, larangan penggabungan dua kontrak dalam satu akad pada era klasik mungkin tidak relevan sepenuhnya dalam konteks perbankan Islam moden yang memerlukan pendekatan hibrid untuk memastikan kecekapan dan pematuan syariah (Ishak, 2018). Dalam hal ini, konteks hadis dan prinsip *maslahah* perlu dinilai dengan teliti (Shibir, 2007).

Memahami Makna Hukum Secara Khusus

Setiap hukum perlu dianalisis berdasarkan konsep *'illah* (sebab hukum) dan *hikmah* (manfaat di sebalik hukum). *'Illah* bersifat jelas dan objektif, seperti mabuk yang menjadi sebab pengharman arak (Kamali, 2016). Sebaliknya, *hikmah* adalah manfaat yang ingin dicapai, seperti menjaga akal (Zaidān, 1986). Aplikasi hukum yang memenuhi *'illah* memastikan *hikmah* tercapai (Abu Zahrah, 1958).

Sebagai contoh, penggunaan hukum yang tidak sesuai dengan konteksnya boleh menyebabkan kegagalan mencapai *hikmah* yang diinginkan, sekali gus menjejaskan *masalah* (Al-Sa'dī, 2000). Dalam hal ini, perubahan keadaan juga perlu dianalisis dengan teliti kerana perubahan luaran mungkin tidak menjejaskan konsep asas sesuatu hukum (Ishak, 2018).

Justifikasi Masalah Berdasarkan Sumber Syariah

Hujah *masalah* mesti bersandarkan kepada dalil daripada Al-Quran dan hadis untuk memastikan ia menepati kehendak Allah SWT (Al-Raisuni, 1999). *Maslahah* boleh diklasifikasikan kepada *masalah khusus* dan *masalah umum*. Sebagai contoh, *masalah khusus* dalam hukum *qisas* adalah untuk melindungi nyawa seperti dalam Surah Al-Baqarah ayat 179 (Basmeh, 2010). Manakala *masalah umum*, seperti rahmat syariah, dapat dilihat melalui Surah Al-Anbiya' ayat 107.

Tidak Mengubah Hukum Mandatori

Fiqh al-Maalat tidak boleh digunakan untuk meminda hukum yang bersifat mandatori (Al-Qaradawi, 2005). Sebaliknya, ia bertujuan menyesuaikan hukum dengan konteks tanpa mengubah prinsip asasnya. Sebagai contoh, hukum yang tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan tertentu tidak bermakna ia tidak relevan, tetapi memerlukan pembaikan keadaan terlebih dahulu (Ishak, 2018).

Maslahah Mestilah Tulen, Bukan Khayalan

Maslahah dalam aplikasi kaedah ini mestilah benar-benar wujud dan dapat dibuktikan, bukan berdasarkan andaian semata-mata (Laldin, 2010). Sebagai contoh, larangan menghina sembahkan kaum musyrik didasarkan kepada *mafsadah* yang jelas, iaitu risiko penghinaan terhadap Allah SWT (Al-Shatibi, 2004). Situasi seperti *daruriyyat* (keperluan asas) atau *hajjiyyat* (keperluan mendesak) boleh menjadi sebab pengecualian hukum tertentu, seperti pengguguran janin demi menyelamatkan nyawa ibu (Elgariani, 2012).

Pertimbangan Keutamaan antara *Maslahah* dan *Mafsadah*

Keutamaan antara *maslahah* dan *mafsadah* perlu dianalisis berdasarkan hierarki keperluan *daruriyyat*, *hajiyyat*, dan *tahsiniyyat* (Al-Shatibi, 2004). *Maslahah* di peringkat *daruriyyat* mesti diutamakan kerana ia asas kepada kelangsungan hidup manusia. Sebagai contoh, meskipun menutup aurat adalah wajib, ia boleh dikecualikan untuk tujuan perubatan yang melibatkan nyawa (Al-Khadimi, 2010).

Jika berlaku konflik dalam *daruriyyat*, lima elemen utama—agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta—menjadi panduan keutamaan (Al-Yubi, 1998). Selain itu, *maslahah* umum lebih utama daripada *maslahah* khusus, seperti penetapan harga barangan untuk melindungi masyarakat daripada eksploitasi (Al-Ashur, 2001). Dalam semua situasi, jika berlaku pertembungan antara *maslahah* dan *mafsadah*, prinsip syariah menegaskan bahawa mengelakkan *mafsadah* lebih diutamakan daripada mencapai *maslahah* (al-Zarqa', 2011).

Fiqh al-Maalat dalam Ibadah Haji

Setelah dibincangkan konsep *Fiqh al-Maalat*, perbincangan seterusnya akan melihat kepada hubungkait teori *Fiqh al-Maalat* dalam ibadah haji. Ibadah haji adalah ibadah yang dikategorikan sebagai ibadah *badaniyah* dan *maliyah* iaitu merujuk kepada ibadah yang memerlukan tenaga fizikal dan pengeluaran harta untuk dilaksanakan (Al-Zabidi, 1994). Hakikat ini sering membuatkan jemaah haji menghadapi kesulitan dan kepayahan sehingga membawa kepenatan, lapar, haus, panas dan sebagainya sepanjang ibadah ini dijalankan (Hendriyadi, 2019).

Oleh itu, antara aspek yang ditekankan dalam ibadah haji adalah berkaitan *taysir* (memudahkan) khususnya apabila berlakunya *mashaqqah* (kesulitan), bahkan ia merupakan salah satu dari *maqasid* dalam ibadah haji itu sendiri (Sulaiman, 2006; Rizalman, 2016). Menurut al-Qaradawi (2012), aspek *taysir* ini mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan *Fiqh al-Maalat* kerana tindakan mengangkat kesulitan akan membenarkan perkara yang asalnya tidak dituntut disebabkan ia akan membawa implikasi yang positif kepada seseorang itu.

Islam adalah agama sesuai dengan fitrah manusia dan memudahkan. Justeru itu, terdapat banyak ayat al-Qur'an dan hadis yang menunjukkan antara *maqasid* atau objektif syariat ialah memudahkan dan tidak membebankan. Allah S.W.T berfirman:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Maksudnya:

“Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.” (Surah al-Baqarah 2:185)

Begitu juga dalam hadis Nabi S.A.W dalam riwayat al-Bukhari (2011):

مَا خَيْرَ رَسُولٍ اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ أَمْرَيْنِ فَطُّ إِلَّا أَحَدَهُمَا أَيْسَرُهُمَا، مَا لَمْ يَكُنْ إِثْمًا

Maksudnya:

“Rasulullah tidak memilih ketika menentukan antara dua perkara, melainkan Baginda mengambil perkara yang lebih mudah, selagi mana ia tidak termasuk dalam dosa” (Riwayat al-Bukhari).

Dalam konteks ibadah haji, prinsip *Fiqh al-Maalat* memainkan peranan yang penting dalam memberi kelonggaran dan keringanan kepada para jemaah haji untuk memastikan pelaksanaan ibadah ini berjalan dengan lancar dan tanpa kesukaran yang melampau.

Aplikasi *Fiqh al-Maalat* dalam Ibadah Haji

Keharusan Membunuh Binatang Berbahaya dalam Ihram atau di Tanah Haram

Larangan membunuh binatang ketika berada dalam keadaan ihram atau di tanah haram adalah satu hukum yang bertujuan menjaga kesucian ihram dan tanah haram sebagai wilayah yang dihormati dalam syariat Islam. Larangan ini mengukuhkan konsep penghormatan terhadap makhluk dan tanah haram yang menjadi sebahagian daripada prinsip pelaksanaan ibadah haji. Namun, larangan ini tidak bersifat mutlak, sebaliknya terdapat pengecualian apabila membabitkan binatang yang boleh menimbulkan ancaman kepada keselamatan jemaah (Al-Kinani, 2011).

Dalam konteks ini, *Fiqh al-Maalat* menjadi kerangka penting untuk menganalisis implikasi hukum berdasarkan keseimbangan antara *maslahah* (manfaat) dan *mafsadah* (kemudaratan) yang timbul daripada tindakan tersebut. Hadis al-Bukhari (2011) yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA menjelaskan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

خمس من الدواب كلهن فاسق يقتلن في الحرم الغراب والحدأة والعقرب والفأرة والكلب

العقور

Maksudnya:

“Lima jenis binatang yang dianggap fasik boleh dibunuh di tanah halal mahupun tanah haram: ular, gagal belang, tikus, anjing liar, dan burung elang” (Riwayat al-Bukhari).

Hadis ini menjadi asas kepada pengecualian larangan membunuh, yang membolehkan tindakan dilakukan demi memastikan keselamatan nyawa manusia tidak terancam. Dalam konteks ini, prinsip *Fiqh al-Maalat* memberikan panduan bahawa tindakan yang pada asalnya dilarang dalam syarak boleh dibenarkan sekiranya kesannya membawa *maslahah* yang lebih besar atau mencegah *mafsadah* yang signifikan. Membunuh binatang berbahaya seperti ular, anjing liar, atau kala jengking adalah satu langkah yang selaras dengan *maqasid al-shariah*, iaitu menjaga nyawa (*hifz al-nafs*), salah satu daripada lima objektif utama syariah (Al-Shatibi, 2004).

Penerapan prinsip *Fiqh al-Maalat* dalam isu ini boleh dilihat melalui analisis keseimbangan *maslahah* dan *mafsadah*. Dari sudut *maslahah*, tindakan membunuh binatang berbahaya memastikan keselamatan individu dan masyarakat, membolehkan ibadah diteruskan tanpa gangguan yang berpotensi membahayakan nyawa. Keselamatan jemaah diutamakan kerana ancaman daripada binatang seperti ular boleh menyebabkan kecederaan serius atau bahkan kematian. Dalam situasi ini, *maslahah* tindakan tersebut adalah jelas, iaitu mencegah bahaya nyata kepada manusia. Sebaliknya, dari sudut *mafsadah*, pelanggaran terhadap prinsip larangan membunuh di tanah haram boleh dianggap sebagai pengurangan penghormatan terhadap wilayah yang dimuliakan. Namun, *mafsadah* ini dianggap kecil dan dapat diterima berbanding *maslahah* yang lebih besar, iaitu memastikan keselamatan nyawa.

Kesimpulannya, keharusan membunuh binatang berbahaya dalam ihram atau di tanah haram adalah contoh penerapan *Fiqh al-Maalat* yang menekankan keutamaan keselamatan dan kesejahteraan manusia. Dengan menilai *maslahah* dan *mafsadah*, hukum ini membuktikan fleksibiliti syariat dalam menghadapi situasi darurat.

Keringanan Bertolak dari Muzdalifah pada Waktu Malam Bagi Golongan Uzur dan Orang Lemah Tanpa Perlu Menunggu Subuh Keesokannya.

Keringanan untuk bertolak dari Muzdalifah pada waktu malam khusus untuk golongan uzur dan orang yang lemah merupakan salah satu contoh fleksibiliti syariat Islam dalam mengutamakan kesejahteraan jemaah haji. Muzdalifah adalah salah satu lokasi penting dalam pelaksanaan manasik haji, di mana jemaah diwajibkan untuk bermalam sehingga masuk subuh 10 Zulhijjah sebelum meneruskan perjalanan ke Mina untuk melontar Jamrah Aqabah (Al-Nawawi, 1994).

Walaupun bermalam di Muzdalifah adalah wajib bagi jemaah haji, syariat memberikan rukhsah kepada golongan tertentu untuk bertolak lebih awal bagi mengelakkan kesesakan dan risiko keselamatan yang mungkin timbul akibat keuzuran mereka. Hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh al-Bukhari (2011) menjadi asas kepada keringanan ini. Dalam riwayat Abdullah Ibn Umar RA, beliau menyebut bahawa Rasulullah SAW memberi rukhsah kepada golongan uzur untuk bertolak lebih awal dari Muzdalifah ke Mina. Abdullah Ibn Umar berkata:

أَرْخَصَ فِي أَوْلَئِكَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya:

“Rasulullah S.A.W telah memberi rukhsah kepada mereka”. (Riwayat al-Bukhari)

Hadis ini menunjukkan bahawa syariat Islam memberikan kelonggaran kepada individu yang mempunyai keperluan khas, termasuk golongan wanita, kanak-kanak, orang tua, dan mereka yang uzur, untuk memastikan pelaksanaan ibadah mereka tidak membebankan. Amalan ini turut disokong oleh para ulama yang menyatakan bahawa golongan ini diutamakan untuk bertolak sebelum waktu fajar bagi mengelakkan kesesakan sewaktu melontar di Mina (Harun, 2018).

Keputusan ini mencerminkan penerapan *Fiqh al-Maalat*, di mana setiap tindakan hukum dianalisis berdasarkan kesannya terhadap *maslahah* (kebaikan) dan *mafsadah* (kemudaratannya). Dalam hal ini, *maslahah* yang diperoleh adalah jelas, iaitu memastikan keselamatan golongan uzur dan lemah. Dengan memberikan rukhsah ini, jemaah yang uzur ini dapat melaksanakan ibadah mereka tanpa tekanan fizikal yang melampau, terutamanya dalam keadaan cuaca panas dan jumlah jemaah yang besar. Sebaliknya, jika hukum ini tidak diberi kelonggaran, ia boleh membawa kepada *mafsadah* yang lebih besar, seperti keletihan melampau, risiko kecederaan, atau bahkan ancaman nyawa akibat kesesakan.

Dalam konteks *maqasid al-shariah*, keputusan ini juga selaras dengan prinsip menjaga nyawa (*hifz al-nafs*), yang merupakan salah satu objektif utama syariat (Suhardi et. al., 2020). Syariat Islam sentiasa menekankan pentingnya menjaga keselamatan manusia, terutamanya dalam situasi di mana risiko terhadap nyawa dan kesihatan lebih tinggi. Seperti yang dinyatakan oleh al-Qaradawi (2012), prinsip ini adalah salah satu asas utama syariat, yang bertujuan untuk memudahkan umat Islam dalam melaksanakan ibadah mereka tanpa menjejaskan keabsahan hukum.

Kesimpulannya, keizinan bertolak dari Muzdalifah pada waktu malam bagi golongan uzur dan lemah adalah contoh terbaik bagaimana syariat Islam memberikan kemudahan dalam pelaksanaan ibadah tanpa menjejaskan *maqasid al-shariah*. Dengan menilai *maslahah* dan *mafsadah*, keputusan ini menunjukkan bahawa syariat sentiasa relevan dan responsif terhadap keperluan semasa. Pendekatan ini tidak hanya menjaga kesejahteraan individu tetapi juga memastikan pelaksanaan ibadah haji berjalan dengan lebih harmoni dan efisien, selaras dengan nilai-nilai asas syariat Islam.

KESIMPULAN

Kajian ini menggariskan peranan penting *Fiqh al-Maalat* sebagai metod ijihad dalam memastikan pelaksanaan ibadah haji tetap relevan dan selaras dengan *maqasid al-shariah*. Dengan mempertimbangkan implikasi hukum berdasarkan keseimbangan antara *maslahah* dan *mafsadah*, prinsip ini menawarkan fleksibiliti dalam menangani cabaran-cabaran kontemporari. Beberapa contoh seperti keizinan bertolak awal dari Muzdalifah bagi golongan uzur dan keharusan membunuh binatang berbahaya ketika ihram menunjukkan bagaimana *Fiqh al-Maalat* diaplikasikan untuk mencapai maslahat jangka panjang sambil memelihara nilai-nilai asas syariat.

Dalam konteks ibadah haji yang melibatkan jumlah jemaah yang semakin meningkat setiap tahun, *Fiqh al-Maalat* memberikan panduan yang pragmatik dan holistik. Prinsip ini bukan sahaja menjaga kelangsungan hukum tetapi juga memastikan pelaksanaan ibadah haji lebih teratur, inklusif, dan berorientasikan kesejahteraan umat Islam. Oleh itu, kajian ini menegaskan bahawa *Fiqh al-Maalat* merupakan elemen penting dalam memastikan syariat Islam terus relevan dan responsif terhadap perubahan zaman. Prinsip ini menunjukkan bahawa syariat Islam bukan sekadar satu sistem hukum, tetapi sebuah panduan kehidupan yang responsif, fleksibel, dan komprehensif dalam menjaga keseimbangan antara keperluan individu dan masyarakat. Dengan menekankan fleksibiliti ini, syariat Islam kekal menjadi landasan yang kukuh untuk menangani cabaran kontemporari tanpa mengorbankan nilai-nilai asasnya.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan dorongan sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Ucapan terima kasih khas jutaan terima kasih dihulurkan kepada pihak MAIPs atas tajaan dana Biasiswa Pengajian Tinggi MAIPs (BPTM). Begitu jua pihak Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) yang menyokong kerja penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Al-Bukhari, M. I. (2011). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Haytami, A. M. A. H. (2012). *Hashiyah al-'Allamah Ibn Hajar al-Haytami 'Ala Syarh al-Idhah Fi Manasik al-Hajj Li al-Imam Nawawi*. Makkah: Maktabah al-Asadiyah.
- Al-Hussin, W. (2009). *'Itibar Ma'alat al-Af'al Wa Atharuha al-Fiqhi*. Riyadh: Dar al-Tadmuriyyah.
- Al-Jiddiyah, U. (2010). *Aslu 'itibar Al-Ma'al Baina Al-Nazoriyat Wa Al-Tatbiq*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Kinani, A. (2011). *Fath al-Mu'in: Syarh Matn Abi Syuja'*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi, Y. (1997). *Al-Minhaj Sharh Sahih Muslim* (K. M. Shaykhan, Ed.). Dar al-Ma'rifah.
- Al-Qaradawi, Y. (2005). *Fatawa Mu'asirah*. Al-Kuwait: Dar al-Qalam.
- Al-Qaradawi, Y. (2010). *The lawful and the prohibited in Islam*. Islamic Book Trust.
- Al-Qaradawi, Y. (2012). *Fiqh al-Zakah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Sanusi, 'A. R. (2003). *'Itibar Al-Ma'alat Wa Mura'ah Nataij Al-Tasarufat*. Riyadh: Dar Ibn Al-Jauzi.
- Al-Shatibi, I. (2004). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Sudais, 'A. R. (2000). *Qa'idah 'Itibar al-Ma'alat Wa Athar al-Mutarattib 'Alaiha Fi al-Fiqh al-Islami Wa al-Qadaya al-Mu'asirah*. Makkah: Dar Jami'ah Umm al-Qura.
- Al-Zabidi, M. (1994). *Taj al-Arus*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Zuhaili, M. (2015). *al-Mu'tamad fi Fiqh al-Shafi'i*. Damsyik: Darul Qalam.
- Ansary, M. R. (2009). *Consideration of Consequences in Implementing Shari'ah Laws*. Gombak: Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia.

- Asni, F., & Sulong, J. (2021). The mura'ah al-khilaf and ma'alat method in fatwa decisions: its application for fatwa coordination related to conditional hibah in Malaysia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*.
- Basri, H., & Ismail H. (2019). *Teori Ma'alat Al-Afal Dalam Maqasid Shari'ah Dan Aplikasinya Pada Permasalahan Fiqh Kontemporer*. Jurnal Wacana Hukum Islam dan Kemanusiaan.
- Bello, Q. U. (2009). *Athar Maqasid Al-Shari'ah Wa Ma'alat Al-Afal Fi Al-'Amal Al- Masrafi: Dirasah Usuliyah Tatbiqiyah*. Gombak: Kulliyyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia.
- Harun, A. S. (2018). *Taysir dalam Ibadat Haji dan Umrah: Kajian Berdasarkan Keputusan Muzakarah Haji Kebangsaan*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Ishak, M. S. I. (2018). The principle of considering ma'alat in Islamic rules: Do ends justify means. *International Journal of Islamic Thought*, 14(1), 52-59.
- Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan. (2008). *Laporan Resolusi Muzakarah Haji*. Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji.
- Nasir, N. S. M., Ismail, A. M., & Ishak, M. S. I. (2018). P'tibar Ma'alat In Issuing The Fatwas Of Muslim Minorities. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 13(2), 111-128. Retrieved from <https://al-qanatir.com/aq/article/view/118>
- Rizalman, M. (2016). *Maqasid Ibadah Haji dalam Perspektif Sunnah: Kajian terhadap Kefahaman dan Amalan Jemaah Haji Malaysia*. Tesis Kedoktoran. Universiti Malaya.
- Shaikh, A. A. A. A. (2009). *Majallah al-Buhuth al-Islamiyyah li Haiah Kibar al-Ulama bi al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'udiyah*. Riyadh: Maktabah Ibn Khuzaimah.
- Suhardi, M. S. S., Harun, M. S., & Nasri, M. S. (2020). Analisis Isu Safar Wanita tanpa Mahram dari Perspektif Maqasid Al-Shari'ah. *Journal of Law and Governance*, 3(1), 74-83.